

02 MAR 2000

Mahathir-Perdagangan

PENGEKUTAN DALAM LEBIHAN DAGANGAN TIDAK MEMBIMBANGKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia tidak bimbang dengan pengecutan ketara dalam lebihan dagangan bagi Januari tahun ini berbanding bulan sebelum itu kerana "lebihan dagangan dalam mana-mana bulan tidak tetap, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ia masih satu lebihan dan ia adalah besar, kadang-kadang ia lebih, ia kurang dan ada masanya berlaku defisit (tetapi) kita tidak bimbang mengenainya," kata Perdana Menteri ketika mengulas perangkaan perdagangan yang dikeluarkan semalam oleh Jabatan Perangkaan selepas menyampaikan ucapannya pada seminar Pengurusan Asean di sini.

Lebihan dagangan bagi Januari 2000 berjumlah RM8.6 bilion adalah kejatuhan besar berbanding lebihan sebanyak RM4.5 bilion yang direkodkan pada Disember tahun lepas, berikutan import yang meningkat.

Menyentuh hutang negara yang meningkat, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan peningkatan dalam ekonomi "kerana Malaysia mengimport lebih banyak barangan perantaraan bagi menghasilkan produk siap."

Katanya peningkatan jumlah import itu sebenarnya diterjemahkan dalam peningkatan jumlah eksport.

Jabatan Perangkaan juga melaporkan bahawa Malaysia mencatatkan lebihan dagangan 4.5 peratus lebih tinggi bagi Januari tahun ini berjumlah RM4.5 bilion berbanding lebihan sebanyak RM4.3 bilion dalam bulan yang sama tahun lepas.

Ini bermakna bahawa imbalan dagangan Malaysia mengalami lebihan bagi 27 bulan berturut-turut sejak November 1997.

-- BERNAMA

MK LAT RON